



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN JOHOR

**ACCON 2012**  
ACADEMIC CONFERENCE

THE 8<sup>th</sup> UITMCJ  
ACADEMIC CONFERENCE

Globalisation and Dynamics  
Towards a World Class University

# **CD PROCEEDING**

## **ACCON 08**

**Penyelenggara:**

**Rohani binti Jangga**

**Ainol Hasanal bin Jalaluddin**

**Dr. Carolyn Soo Kum Yoke**

**Noridah binti Sain**

**Terbitan:**

**BPJIA UiTM Cawangan Johor**

**2012**

**Cetakan Pertama 2012**

**Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada BPJIA UiTM Johor.**

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

## **CD Proceeding for ACCON 08**

8<sup>th</sup> Academic Conference, UiTM Johor

### 1. Proceeding

**ISBN 978-967-0479-03-3**

**Diterbitkan oleh:**

Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri dan Alumni  
UiTM Cawangan Johor  
KM 12 Jalan Muar  
85000 Segamat  
JOHOR DT

**Dicetak oleh:**

Percetakan Segamat

Jalan Orkid  
85000 Segamat  
JOHOR DT

Pereka grafik: Unit Korporat dan Media  
UiTM Johor

# CONTENT

**CLICK ON THE TITLE TO LINK TO THE FULL PAPER.**

**\*A=Accounting; B= Information Management, Marketing & Management; C=Economy & Finance; D= FSKM; E=Other Discipline (CITU, APB, LAW)**

NOS.	REF.*	TITLE	AUTHOR
1.	E103	<a href="#">Penglibatan Syarikat Swasta Di Malaysia, Singapura Dan Indonesia Dalam Mengembangkan Potensi Harta Wakaf: Suatu Perbandingan</a>	Mohd Ali Muhamad Don
2.	E104	<a href="#">Acquisition Of Verb-Tenses Among Esl Lecturers: An MDAB Pilot Study</a>	1. Dr Carolyn Soo Kum Yoke 2. Nor Haniza Hasan
3.	A105	<a href="#">Tax Knowledge And Tax Compliance Among Self-Employed In Malaysia</a>	1. Fatimah Alwi 2. Noraizah Abu Bakar
4.	B106	<a href="#">Knowledge Management Initiatives For Sirim Berhad</a>	1. Siti Nuur-Ila Mat Kamal 2. Zainab Sulaiman
5.	B108	<a href="#">Managing Public Transport Service Operation In Reducing Travel Fear Factor</a>	1. Rohana Sham 2. Mashita Sham 3. Khairunnisa Rahman 4. Nurazlina Samsudin
6.	C109	<a href="#">Employees' Perspective Of Ethics</a>	1. Rabiatul Alawiyah Zainal Abidin 2. Raziah Bi Mohamed Sadique 3. Dr. Norhayati Alias 4. Pn Noraizah Abu Bakar
7.	E110	<a href="#">Using Online Corrective Feedback In The Editing Stage Of Academic Writing Among ESL undergraduates</a>	1. Cecilia Bai Rajendran 2. Dr. Carolyn Soo Kum Yoke 3. Noridah Sain 4. Puteri Nur Hidayah Kamaludin 5. Sofwah Md Nawi 6. Suhaili Mohd Yusof

8.	B113	<a href="#">Cointegration And Causality Between Overnight Policy Rate And Commercial Bank Rate</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Abdul Razak Bin Jambari</li> <li>2. Azizah Binti Daut</li> <li>3. Noranita Abdamia</li> </ol>
9.	C115	<a href="#">Energy Consumption, Gross Domestic Product, Foreign Direct Investment And Co2 Emission In Malaysia</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mohd Azim Sardan</li> <li>2. Azman Ali</li> <li>3. Tan Yan Ling</li> <li>4. Abdul Razak Jambari</li> </ol>
10.	C118	<a href="#">Systematic Risk Of Malaysian Stock</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tay Bee Hoong</li> <li>2. Tan Yan Ling</li> <li>3. Nur'asyiqin Ramdhan</li> <li>4. Zulkifli Mohamed</li> </ol>
11.	B119	<a href="#">The Impact Of Semantic Web On Digital Libraries Development</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Muhammad Asyraf Bin Wahi Anuar</li> <li>2. Isma Bin Ishak</li> </ol>
12.	E120	<a href="#">Penggunaan Kata Kerja Kini ( الفِعل المُضارع ) Dalam Al-Quran Dari Sudut Masa</a>	Abd Rahman Jamaan
13.	B128	<a href="#">Pusat Sumber Sekolah Sebagai Ejen Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (Spm): Kajian Ke Atas Pelajar Baru Sesi Disember-April 2010, UiTM , Johor</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nor Diana Bte Abd. Rahman</li> <li>2. Nor Ezan Bin Omar</li> <li>3. Zailani Bin Shafie</li> </ol>
14.	E129	<a href="#">Pengurusan Zakat Di IPTA : Pengalaman Dan Cabaran di UiTM</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nazrudin Bin Hashim</li> <li>2. Mohd Zainoddin Bin Mustaffa</li> </ol>
15.	E130	<a href="#">Kajian Ke Atas Penggunaan Partikel Mod UiTM al Pelajar Johor Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin</a>	Chong Peng Hwa
16.	B135	<a href="#">A Case Study Of Digi Telecommunications Sdn Bhd Strategic Marketing Analysis</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rohanizan Md Lazan</li> <li>2. Roslina Ali</li> <li>3. Shaherah Abd Malik</li> <li>4. Rabiatal Alawiyah Zainal Abidin</li> </ol>
17.	B138	<a href="#">Entrepreneurial Strategic Alliances And Partnership Of Marketing And Retailing In Small And Medium Enterprises In Agro Sapling Supply Chain</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Shaherah Abd. Malik</li> <li>2. Wan Haslin Aziah</li> <li>3. Syaidatul Zarina Mat Din</li> <li>4. Roha Mohamed Noah</li> <li>5. Norhayati Omar</li> </ol>

18.	D139	<a href="#">Student Timetable Asistant System (Stasys)</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Noor Azrin Binti Zainuddin</li> <li>2. Nafisah Binti Jamingan @ Amin</li> <li>3. Mohamad Azlan Shah Bin Mohamed Azman</li> </ol>
19.	E141	<a href="#">Using Readers Theatre To Improve Reading Fluency And Comprehension</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Evelyn Sharminnie Vasuthavan</li> <li>2. Dr Carolyn Soo Kum Yoke</li> <li>3. S Kunaratnam Sita Raman</li> <li>4. Nor Haniza Hasan</li> <li>5. Cecilia Bai Rajendran</li> <li>6. Noridah Sain</li> </ol>
20.	A142	<a href="#">How Quantitative And Qualitative Of Data Research Can Be Embedded Together?</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dr. Norhayati Alias</li> <li>2. Pn Noraizah Abu Bakar</li> </ol>
21.	B143	<a href="#">Preliminary Study On Social Network Among Malay Smes Entrepreneurs: Gender Differences</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Oswald Timothy Edward</li> <li>2. Ehsan Fansuree Surin</li> </ol>
22.	E144	<a href="#">Penambahbaikan Pembelajaran Di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor: Kajian Pelaksanaan Sistem Anjal</a>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Prof. Madya Ahmad Nawawi Yaakob</li> <li>2. Nor Rashidah Mohamed</li> </ol>
23.	E137	<a href="#">Representasi Semantik Lewat Adat-Istiadat Perkahwinan Dalam Alam Minangkabau</a>	Ainol Hasanah Bin Jalaluddin

## **PENGURUSAN ZAKAT DI IPTA : PENGALAMAN DAN CABARAN DI UiTM**

Oleh :

Nazrudin bin Hashim

Mohd Zainoddin bin Mustaffa

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

*Ibadah zakat merupakan rukun Islam ketiga yang difardhukan kepada umat Islam. Bagi merealisasikan tanggungjawab tersebut Perjanjian Pelantikan ITM (sekarang UiTM) sebagai Penolong Amil dengan Pusat Zakat Selangor (sekarang Lembaga Zakat Selangor) telah dimetrai pada tahun 1998. Sekaligus meletakkan UiTM sebagai perintis pelaksanaan pengurusan zakat di kalangan institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Kertas kerja ini membincangkan latar belakang dan kaedah pelaksanaan pengurusan zakat di UiTM meliputi struktur organisasi serta modus operasi kutipan dan agihan zakat. Keberkesanan pengurusan zakat di UiTM dibuktikan melalui peningkatan jumlah kutipan sebanyak 16% bagi tahun 2011 iaitu RM 4,982,075.03 berbanding RM RM 4,265,029.17 bagi tahun 2010. Bilangan pembayar juga mencatat peningkatan sebanyak 12% iaitu dari 3493 orang kepada 3929 orang. Kutipan zakat dilakukan secara potongan gaji dan bayaran di kaunter. Dana kutipan zakat diagihkan kepada empat asnaf iaitu fakir, miskin, fi sabilillah dan mualaf. Pada tahun 2011 sebanyak RM 2,147,322.90 telah diagihkan kepada 4071 penerima berbanding RM 1,650,496.26 telah diagihkan kepada 2812 penerima pada tahun 2010. Selain itu, aspek cabaran sama ada dalaman dan luaran dalam menguruskan zakat turut dibincangkan dengan tujuan memantapkan organisasi zakat di UiTM. Kejayaan pengurusan zakat di UiTM dalam menyebarkan kefahaman Islam dan membangunkan sosio ekonomi umat Islam telah dicontohi oleh beberapa IPTA lain seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.*

## 1.0 Pendahuluan

Zakat adalah Rukun Islam ketiga yang menjadi fardhu ain ke atas setiap umat Islam apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pelaksanaan ibadat ini memberi impak yang besar kepada umat Islam dalam pelbagai aspek termasuklah pembentukan akhlak yang mulia.<sup>1</sup> Malah ia juga merupakan satu cara yang paling berkesan untuk menghapuskan kemiskinan. Sebagai buktinya, pada zaman kegemilangan kerajaan Islam dahulu, apabila zakat diamalkan dengan sempurna (pengeluaran dan pengagihannya), tidak ada lagi orang miskin untuk diberikan zakat.<sup>2</sup>

Bertitik tolak daripada kesedaran ini Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengorak langkah mengambil inisiatif untuk merealisasikan pelaksanaannya di dalam kampus. Natijah daripada usaha yang dilakukan, UiTM menjadi institusi pendidikan tinggi awam pertama di Malaysia yang diberi kebenaran oleh pihak berkuasa agama negeri untuk melaksanakan pengurusan zakat (kutipan dan agihan) secara sendiri. Pelaksanaan pengurusan zakat ini telah dimulakan pada tahun 1998 dengan diuruskan oleh sebuah badan iaitu Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf yang sekarang berada di bawah pentadbiran Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).

## 2.0 Latarbelakang Pelaksanaan Pengurusan Zakat Di UiTM

Sejarah pelaksanaan pengurusan zakat di UiTM bermula dengan penyediaan kertas konsep bertajuk “Konsep Q5S Institut Teknologi MARA (ITM)” yang kemudiannya dibentangkan kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Pengurusan Pusat Zakat Selangor (PZS) pada 16 Oktober 1996 di Ibu Pejabat Pusat Zakat Selangor, Petaling Jaya. Di dalam kertas kerja ini dijelaskan secara terperinci konsep 5S yang dimaksudkan iaitu *Al-Sunnah, Solat, Siyam, Syakhsiyah* dan *Sodaqah* dan bagaimana ia akan menatijahkan Insan Soleh.<sup>3</sup>

Kertas konsep ini juga telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman ITM dan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Penubuhan Tabung Amanah Zakat ITM. Hasil daripada pembentangan tersebut, pihak pengurusan ITM bersetuju mengenai cadangan pelaksanaan sistem pengurusan zakat dan berusaha menyediakan infrastruktur yang diperlukan bagi merealisasikan tujuan tersebut.

Susulan daripada itu, Jawatankuasa Perunding Tabung Amanah Zakat ITM telah mengemukakan Kertas Cadangan Pungutan dan Agihan Zakat Di ITM untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Majlis Agama Islam Selangor

---

<sup>1</sup> Udah Mohsin (Dr.)(1987), *Kesan Ibadah Dalam Pembentukan Akhlak Seorang Muslim*, Shah Alam : Penerbitan Hizbi, hal. 36

<sup>2</sup> Abdul Basit Abd Rahman (Dr.)(2012), *Keindahan Islam*, Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd, hal. 85

<sup>3</sup> Jawatankuasa Perunding Projek Q5S ITM (1996), *Kertas Konsep Q5S ITM*



(MAIS).<sup>4</sup> Kertas cadangan ini juga kemudiannya dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelaburan Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor pada 24 Mac 1997.


Hasil daripada usaha tersebut, Majlis Agama Islam Selangor telah memberikan kebenaran kepada UiTM untuk melaksanakan pungutan dan agihan zakat di kalangan warganya melalui surat bertarikh 14 Januari 1998 bersamaan 15 Ramadhan 1418.

### 3.0 PELAKSANAAN PENGURUSAN ZAKAT DI UiTM

UiTM telah merancang dan melaksanakan sistem pengurusan zakat dengan teratur, sesuai dengan kedudukannya sebagai IPTA pertama yang diberi kebenaran untuk berbuat demikian. Pelaksanaan sistem tersebut merangkumi aspek organisasi dan operasi zakat. Kedua-dua aspek tersebut akan dijelaskan secara ringkas seperti berikut :

#### 3.1 STRUKTUR ORGANISASI

Secara umumnya struktur organisasi pengurusan zakat di UiTM yang dilaksanakan sekarang adalah seperti berikut :



*Jadual 1: Sutruktur Organisasi Pengurusan Zakat UiTM*

<sup>4</sup> Jawatankuasa Perunding Tabung Amanah Zakat ITM (1997), *Kertas Cadangan Pungutan dan Agihan Zakat Di Institut Teknologi MARA Shah Alam*.

Pihak pengurusan universiti telah mewujudkan organisasi pengurusan zakat yang melibatkan pelbagai pihak bagi memastikan kelancaran dan kecekapan pelaksanaan sistem zakat. Oleh itu, sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat UiTM ditubuhkan sebagai badan tertinggi di dalam sistem pengurusan zakat UiTM. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai penggubal dasar atau polisi zakat, membuat keputusan mengenai isu-isu zakat dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya yang berkaitan dengan pengutipan dan pengagihan di UiTM tertakluk kepada persetujuan MAIS.<sup>5</sup>

Keanggotaan jawatankuasa ini adalah seperti berikut :

- |       |   |              |
|-------|---|--------------|
| i.    | Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) | - Pengerusi  |
| ii.   | Pengurus Besar LZS / wakilnya                       | - Ahli       |
| iii.  | Pendaftar UiTM                                      | - Ahli       |
| iv.   | Bendahari UiTM                                      | - Ahli       |
| v.    | Pengarah, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam       | - Ahli       |
| vi.   | Timbalan Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam, CITU     | - Ahli       |
| vii.  | Pakar Rujuk Zakat                                   | - Ahli       |
| viii. | Ketua Unit Zakat                                    | - Setiausaha |

Bagi memastikan ketelusan dan kecekapan pengagihan zakat, pihak pengurusan universiti telah mewujudkan Jawatankuasa Agihan Tabung Amanah Zakat UiTM. Jawatankuasa ini berfungsi untuk membuat keputusan terhadap permohonan yang diterima untuk mendapatkan bantuan zakat.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh 6 orang ahli seperti berikut :


- |       |   |                  |
|-------|---|------------------|
| i.    | Timbalan Naib Canselor<br>(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)          | - Pengerusi      |
| ii.   | Pengarah<br>Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)          | - Tim. Pengerusi |
| iii.  | Timbalan Pengarah<br>Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) | - Ahli           |
| iv.   | Wakil Pendaftar (Perhubungan & Kebajikan Staf)                  | - Ahli           |
| v.    | Wakil Bendahari (Akaun Amanah)                                  | - Ahli           |
| vi.   | Ketua Jabatan Agihan LZS  | - Ahli           |
| vii.  | Pakar Rujuk   | - Ahli           |
| viii. | Ketua Unit Zakat  | - Setiausaha     |

Pihak universiti seterusnya menubuhkan Unit Zakat bagi tujuan mentadbir dan mengurus operasi zakat di UiTM. Pada tahun 1998 sehingga Januari 2001, ia beroperasi di Pusat Islam di bawah pentadbiran Canseleri. Bermula Januari 2001 hingga 2004 operasinya telah dipindahkan ke Bangunan Hal Ehwal Pelajar, sejajar dengan kedudukannya yang berada

<sup>5</sup> \_\_\_\_\_(2008), *Perjanjian Perlantikan Penolong Amil Antara Lembaga Zakat Selangor dan Universiti Teknologi MARA*

di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Apabila Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) ditubuhkan pada tahun 2004, Unit Zakat diletakkan di bawah pengurusan CITU sehingga sekarang dan diubah kepada Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf.<sup>6</sup>

Struktur pentadbiran Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf sekarang adalah seperti berikut :



*Jadual 2 : Struktur Pentadbiran Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf*

Fungsi yang dilakukan oleh Unit Zakat ialah sebagai unit yang menguruskan segala urusan berkaitan pentadbiran serta operasi kutipan dan agihan zakat. Ia merupakan nadi yang menggerakkan pelaksanaan pengurusan sistem zakat di UiTM.

### **3.2 KUTIPAN ZAKAT**

Fungsi utama pelaksanaan sistem zakat di UiTM ialah menjalankan kutipan zakat di kalangan warga UiTM. Kutipan zakat yang dilaksanakan merangkumi semua jenis zakat kecuali zakat fitrah.<sup>7</sup> Ia merangkumi zakat pendapatan, wang simpanan, emas dan perak, perniagaan, saham, KWSP dan sebagainya. Operasi kutipan dilakukan berdasarkan arahan dan panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Zakat Selangor. Ia bermaksud segala proses operasi adalah sama seperti yang dijalankan oleh Lembaga Zakat Selangor sendiri, sama ada dari aspek sistem, resit dan laporan.

<sup>6</sup> Laporan Tahunan 2009/2010 Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam UiTM, hal. 8

<sup>7</sup> \_\_\_\_\_(2008), *Perjanjian Perlantikan Penolong Amil Antara Lembaga Zakat Selangor dan Universiti Teknologi MARA*, hal. 3

Antara tugas yang termasuk di dalam aspek kutipan termasuklah<sup>8</sup>.

- a) Mengumpul maklumat berkenaan dengan warga UiTM yang beragama Islam yang wajib membayar zakat dan berpotensi sebagai pembayar.
- b) Memberikan penerangan dan mentaksir zakat.
- c) Mengadakan aktiviti meliputi kempen dan promosi dari masa ke semasa.

Operasi kutipan zakat di UiTM dilaksanakan dalam dua bentuk utama iaitu kutipan secara tunai dan kutipan secara potongan gaji. Bagi kutipan tunai, UiTM menerima semua jenis bayaran zakat dalam bentuk wang tunai atau cek. Pada masa yang sama resit resmi akan dikeluarkan kepada pembayar dan wang atau cek tersebut akan dimasukkan ke bank pada hari yang sama atau selewat-lewatnya tiga hari dari tarikh diterima.

Manakala kutipan secara potongan gaji pula lebih ditumpukan kepada zakat pendapatan. Ini bersesuaian dengan keputusan yang diambil oleh kerajaan Negeri Selangor bagi mewajibkan seluruh kakitangan yang beragama Islam membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji. Mengikut pengalaman UiTM, kutipan secara potongan gaji telah menghasilkan pendapatan yang tinggi berbanding secara tunai. Data kutipan tersebut adalah seperti berikut :

<b>Tahun</b>	<b>Kutipan Tunai (RM)</b>	<b>Kutipan Potongan Gaji (RM)</b>
2011	1,031,774.83	3,950,300.20
2010	714,647.10	3,550,382.07
2009	397,450.60	3,002,011.14
2008	437,729.51	2,511,349.26
2007	426,585.67	2,092,377.50

*Jadual 3 : Data Kutipan Tunai dan Potongan Gaji*

Sejak operasi kutipan zakat dilakukan mulai tahun 1998, UiTM telah berjaya menghasilkan peningkatan yang begitu memberangsangkan. Situasi ini dapat dilihat melalui data di bawah :

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KUTIPAN (RM)</b>	<b>% (+/-)</b>
2011	4,982,075.03	+ 16.8
2010	4,265,129.17	+ 25.5
2009	3,399,461.74	+ 15.3
2008	2,949,078.77	+ 17.1
2007	2,518,963.17	

*Jadual 4 : Data Jumlah Kutipan Zakat*

Kejayaan operasi kutipan zakat di UiTM bukan sahaja di dalam aspek jumlah kutipan, namun ia juga boleh dilihat dari peningkatan jumlah pembayar zakat. Di dapati jumlah pembayar zakat telah menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun. Ini dapat di lihat daripada data berikut :

<sup>8</sup> Ibid, hal. 5

TAHUN	PEMBAYAR		JUMLAH PEMBAYAR	% (+/-)
	TUNAI	POTONG GAJI		
2011	284	3745	4029	+ 15.3
2010	212	3283	3495	+ 12.3
2009	304	2809	3113	+ 22.3
2008	266	2478	2546	+ 12.9
2007	174	2082	2256	

Jadual 5 : Data Pembayar Zakat

Kejayaan di dalam meningkatkan kutipan zakat di UiTM didorong oleh beberapa faktor. Antaranya ialah kefahaman dan kesedaran masyarakat kampus mengenai kewajipan dan kepentingan menunaikan zakat semakin meningkat. Ia merupakan manifestasi daripada pelbagai usaha dan strategi yang dijalankan. Strategi tersebut adalah seperti berikut :

- a. Mengadakan promosi ke setiap Bahagian/Fakulti/Pusat dan Unit.
- b. Mengadakan kaunter terbuka setiap bulan sempena Hari Bersama Pelanggan.
- c. Memberi taklimat kepada kakitangan baru melalui Kursus Induksi yang dianjurkan oleh UiTM.
- d. Mengadakan Majlis Penyampaian Bantuan Zakat.
- e. Mengadakan promosi melalui slot Radio UFM 93.6.
- f. Menyebarkan maklumat melalui laman web Unit Zakat.
- g. Menyampaikan khutbah khas mengenai zakat.
- h. Menyediakan bahan-bahan terbitan seperti Buletin Al-Infaq dan broucher.
- i. Menyediakan cenderahati kepada warga UiTM dan pembayar zakat, contohnya kalendar, pen dan folder.

### 3.3 AGIHAN ZAKAT

Fungsi kedua yang dijalankan oleh UiTM di dalam melaksanakan sistem pengurusan zakat ialah fungsi agihan. Allah SWT telah menetapkan lapan asnaf atau golongan yang berhak menerima agihan zakat melalui ayat 60 surah At-Taubah. Golongan tersebut ialah orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil, muallaf, hamba, orang yang berhutang, orang yang berada fi sabilillah dan ibnu sabil.<sup>9</sup> Ini berdasarkan firmanNya yang bermaksud;

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan dalam perjalanan). (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”*

<sup>9</sup> Mustofa al-Khin (et.al)(1999), *al-Fiqh al-Manhaji Kitab Fikah Mazhab Syafie*, Jil 2, Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd, hal. 319

Dalam konteks pengurusan zakat di UiTM, dana zakat diagihkan kepada empat asnaf iaitu Fakir, Miskin, Fi Sabilillah dan Muallaf.<sup>10</sup> Ia dilakukan selepas operasi kutipan dilakukan dan semua jumlah kutipan diserahkan kepada Lembaga Zakat Selangor. UiTM menerima kembali  $\frac{1}{2}$  atau sebahagian daripada jumlah kutipan untuk tujuan pengagihan.

Definisi asnaf yang menerima agihan zakat di UiTM adalah berdasarkan Arahan Amanah Tabung Amanah Zakat UiTM.<sup>11</sup> Asnaf fakir bermaksud pelajar atau kakitangan Muslim yang datang daripada keluarga yang tidak mempunyai harta atau pendapatan halal yang boleh memenuhi keperluan anggota keluarganya termasuk makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan lain. Antara ciri keluarga fakir ialah pelajar yang kematian bapa atau hilang tempat bergantung, bapa pelajar yang tidak ada harta atau pekerjaan dan bapa yang tua atau uzur yang tidak mampu bekerja.

Asnaf miskin pula bermaksud pelajar atau kakitangan yang datang dari keluarga yang mempunyai harta atau pendapat yang tidak memenuhi keperluan anggota keluarga sepenuhnya. Ciri-ciri asnaf miskin ialah bapa yang ada harta atau pekerjaan tetapi tidak mencukupi keperluan asasi diri dan tanggungannya, bapa yang tua atau uzur yang tidak mampu bekerja dan pelajar yang ibu dan bapanya bercerai.

Asnaf muallaf pula ialah pelajar bumiputera bukan Islam atau kakitangan bukan Islam yang memeluk Islam dan imannya perlu diperkukuhkan. Maka pemberian agihan ini diharapkan dapat menguatkan keimanannya terhadap Islam serta mendekatkan orang-orang bukan Islam kepada Islam.

Asnaf *fi sabilillah* pula merujuk kepada segala bentuk usaha yang berbentuk dakwah Islamiyyah untuk memperkukuh dan meningkatkan penghayatan Islam di kalangan warga Muslim UiTM. Ia meliputi seminar, ceramah, kursus, program bina insan dan sebagainya.

Selain daripada itu UiTM juga mendapat  $\frac{1}{16}$  daripada keseluruhan jumlah kutipan atau  $\frac{1}{2}$  daripada asnaf Amil untuk tujuan pengurusan. Agihan zakat di UiTM hanya dikhususkan kepada warga UiTM sahaja. Sekiranya agihan hendak dilakukan kepada warga luar UiTM, kebenaran daripada MAIS perlu diperolehi terdahulu. Perkara ini telah dipersetujui bersama di dalam MoU antara UiTM dengan Majlis Agama Islam Selangor.<sup>12</sup> Situasi ini menjelaskan bahawa fungsi agihan yang dilaksanakan oleh UiTM sekarang adalah berpandukan kepada prosedur yang ditetapkan oleh MAIS.

Operasi agihan zakat di UiTM secara umumnya adalah mencakupi seluruh warga UiTM samada di kalangan kakitangan atau pelajar. Namun realitinya didapati kebanyakan permohonan untuk mendapatkan agihan zakat adalah diterima daripada pelajar. Situasi ini

---

<sup>10</sup> \_\_\_\_\_ (2008), *Perjanjian Perlantikan Penolong Amil Antara Lembaga Zakat Selangor dan Universiti Teknologi MARA*, hal. 7

<sup>11</sup> *Arahan Amanah Tabung Amanah Zakat UiTM* (1998)

<sup>12</sup> \_\_\_\_\_ (2008), *Perjanjian Perlantikan Penolong Amil Antara Lembaga Zakat Selangor dan Universiti Teknologi MARA*, hal. 8

bersesuaian dengan matlamat pelaksanaan sistem zakat di UiTM yang bertujuan membantu menyediakan bantuan bagi membolehkan umat Islam mengharungi dunia pendidikan dengan sempurna.

Pengagihan dana zakat yang disediakan kepada warga UiTM terdiri daripada pelbagai bentuk mengikut keperluan masing-masing. Antara bentuk agihan tersebut adalah :

- i. Pembiayaan yuran pengajian.
- ii. Pembiayaan yuran asrama/kolej.
- iii. Pembiayaan sara hidup (sara diri) untuk pengajian.
- iv. Elaun bulanan.
- v. Bantuan hari raya.
- vi. Bantuan kecemasan.
- vii. Bantuan perubatan/kesihatan.

Bagi melancarkan urusan pengagihan zakat, satu garis panduan kriteria asas telah diwujudkan. Antara kriteria permohonan bantuan zakat ialah :

- a. Pemohon mestilah beragama Islam.
- b. Pemohon merupakan pelajar sepenuh masa di UiTM.
- c. Pemohon tidak mendapat sebarang bantuan kewangan dari mana-mana institusi.
- d. Pemohon tidak dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak Universiti.

Mengikut amalan yang dilaksanakan oleh UiTM, permohonan untuk mendapatkan bantuan zakat biasanya dibuka dalam tempoh tertentu. Kebiasaannya tempoh permohonan ini dibuka selama antara satu hingga dua bulan dari tarikh para pelajar mendaftar di UiTM. Ini bermaksud, bagi setiap tahun permohonan bantuan zakat dibuka sebanyak 2 kali iaitu bagi semester Mei dan semester November. Para pelajar perlu memohon setiap semester untuk mendapatkan bantuan tersebut.

Di dalam menyalurkan bantuan kepada para pelajar, satu pakej telah diperkenalkan untuk menyeragamkan jumlah bantuan. Pakej tersebut adalah seperti berikut :

<b>ASNAF</b>	<b>DIPLOMA</b>	<b>IJAZAH</b>
FAKIR	RM 700.00	RM 900.00
MISKIN	RM 700.00	RM 800.00
MUALLAF	RM 400.00	RM 400.00
FI SABILILLAH	RM 500.00	RM 600.00

*Jadual 6 : Pakej Agihan Zakat UiTM*

Operasi agihan yang dilaksanakan oleh UiTM telah menunjukkan peningkatan dari tahun ke setahun. Peningkatan tersebut melibatkan bilangan penerima dan jumlah agihan. Data di bawah menjelaskan peningkatan tersebut :

TAHUN	BIL. PENERIMA	AGIHAN (RM)
2011	4071 (44.8%)	2,147,322.90 (30.1%)
2010	2812 (+1.4%)	1,650,496.26 (-24.5%)
2009	2774 (+84.9%)	2,186,911.00 (+117.1%)
2008	1500 (-24.8%)	1,007,550.00 (-20.2%)
2007	1994	1,263,060.00

*Jadual 7 : Data Agihan Zakat*

Secara ringkas, dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan operasi agihan zakat di UiTM telah berkembang dengan baik melalui peningkatan kutipan dan agihan zakat yang telah dicatatkan. Walaubagaimanapun usaha-usaha perlu dilakukan bagi meningkatkan lagi operasi ini.

#### 4.0 CABARAN

Setelah beroperasi selama empat belas tahun, pelaksanaan sistem zakat di UiTM sudah mengalami pelbagai proses ke arah memantap pentadbiran dan pengurusan yang sedia ada. Justeru itu beberapa cabaran telah dikenalpasti dan memerlukan proses penambahbaikan bagi memacu kecemerlangan pelaksanaan sistem zakat. Cabaran-cabaran tersebut adalah :

##### 4.1 Memantapkan Pentadbiran Zakat

Pentadbiran yang tersusun dan mantap merupakan elemen penting ke arah menjayakan pelaksanaan operasi zakat. Bagi tujuan tersebut aspek-aspek utama di dalam pentadbiran seperti perancangan, kepimpinan dan penstafan hendaklah diberi perhatian. Di dalam konteks pengurusan zakat, perancangan boleh dimaksudkan dengan merancang apa yang hendak dikuti, bagaimana untuk mengutipnya dan siapa pula yang akan melaksanakan kutipan tersebut. Perancangan boleh dilakukan dalam tempoh jangka pendek atau jangka panjang. Perancangan merupakan perkara yang penting kerana *pertama*, dengan adanya perancangan, sesuatu arah dan tujuan institusi zakat menjadi jelas. *Kedua*, perancangan merupakan faktor penyatu dalam membuat keputusan. *Ketiga*, perancangan boleh menolong pengurus zakat mengenalpasti peluang pada masa depan. *Keempat*, perancangan juga boleh dijadikan “standard” untuk mengukur prestasi atau pencapaian kutipan zakat.<sup>13</sup>

Selain daripada itu pentadbiran yang efisien juga merangkumi aspek penstafan atau sumber manusia iaitu pegawai zakat itu sendiri (amil). Penstafan perlu dilihat dalam konteks kualiti dan kuantiti. Staf berkualiti ialah seseorang pegawai yang dipilih untuk bekerja di dalam institusi zakat hendaklah memenuhi kriteria-kriteria yang telah digariskan oleh para ulama iaitu seorang Muslim, mampu melaksanakan tugas, memahami tugasnya dan bersikap

<sup>13</sup> Musa Ahmad (Prof. Madya Haji)(2005), *Pengurusan Zakat Profesional*, Muzakarah Ulama Sempena Sambutan Keputeraan Ke 77 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, anjuran Pejabat Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan pada 10 Mei 2005 bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.



amanah dalam menjalankan tugas.<sup>14</sup> Begitu juga dengan bilangan staf untuk menjalankan tugas perlu diambil kira supaya matlamat yang ditetapkan mampu dicapai.

## 4.2 Memantapkan Proses Kutipan

Kutipan zakat adalah salah satu aspek utama di dalam pengurusan zakat. Ia menjadi kayu ukur kepada kejayaan sesebuah institusi zakat. Apabila dana zakat berjaya dikumpul secara maksimum, secara tidak langsung menunjukkan umat Islam memahami, menyedari dan melaksanakan tanggungjawab mengeluarkan zakat. Justeru dana tersebut dapat dimanfaatkan oleh asnaf melalui pengagihan yang efisien.

Cabaran yang dikenalpasti bagi memantapkan kutipan zakat ialah :

a. Meningkatkan kefahaman dan kesedaran berzakat.

Memberikan kefahaman dan kesedaran kepada umat Islam termasuk warga UiTM mengenai ibadah zakat adalah merupakan suatu cabaran. Kefahaman tersebut merangkumi kewajipan menunaikan zakat, kepentingannya kepada pembangunan ekonomi ummah (dalam konteks UiTM ialah kepentingan kepada pelajar dan kakitangan yang memenuhi kriteria asnaf) dan implikasi daripada pengabaian zakat.

Isu dan persoalan yang berlegar di dalam pemikiran warga UiTM mengenai aspek hukum dan perundangan yang melibatkan ibadah zakat perlu dirungkai dengan bijak dan hikmah. Justeru, langkah dan tindakan yang lebih sistematik perlu dirancang bagi memastikan pengetahuan dan kesedaran warga UiTM terhadap kewajipan menunaikan zakat berada pada tahap maksima.

b. Meningkatkan Jumlah Pembayar Zakat

Bilangan warga UiTM yang melaksanakan kewajipan berzakat kepada Unit Zakat, Sedekah dan Zakat perlu dipertingkatkan. Data kutipan zakat menunjukkan hanya ¼ atau 4,000 orang daripada 16,000 warga UiTM sahaja yang membayar zakat di UiTM. Kajian secara terperinci perlu dijalankan bagi mengenalpasti isu dan masalah yang dihadapi oleh kakitangan di dalam menjalankan kewajipan berzakat. Maklumat yang diperolehi hendaklah dianalisa dan diambil tindakan yang sewajarnya. Selain daripada itu promosi-promosi mengenai zakat perlu

---

<sup>14</sup> Ibid,

digerakkan dengan lebih aktif samada secara bersendirian atau bersama-sama institusi zakat negeri untuk mencapai matlamat tersebut.

### 4.3 Memantapkan Proses Agihan

Pada masa sekarang, didapati maklumat mengenai agihan zakat sudah melebar di seluruh kampus. Justeru itu, permohonan untuk mendapatkan bantuan zakat diterima dengan begitu banyak daripada para pelajar. Situasi ini memerlukan perhatian agar urusan memproses agihan zakat yang ada sekarang mencapai tahap yang lebih berkesan.

Antara aspek yang boleh ditambah baik ialah :

- a. Kaedah permohonan bantuan zakat.  
Permohonan menggunakan borang wajar dikaji semula dan ditambahbaik dengan penggunaan teknologi ICT seperti permohonan di atas talian. Kaedah ini perlu diperkenalkan bagi memudahkan pelajar memohon bantuan zakat di mana sahaja dan pada bila-bila masa.
- b. Tempoh memproses permohonan.  
Tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan hendaklah dipercepatkan. Pada masa sekarang tempoh yang diambil ialah antara dua hingga tiga minggu. Antara langkah yang boleh dilakukan ialah dengan mewujudkan “*data base*” atau pengkalan data, mengadakan hubungan “link” dengan sistem ISIS UiTM bagi mendapatkan maklumat pelajar dan mengambil kakitangan tambahan (samada pelajar melalui Skim Khidmat Pelajar (SKP) atau kakitangan harian).
- c. Mengenalpasti kesahihan asnaf.  
Memastikan kesahihan pemohon adalah benar-benar memenuhi kriteria kelayakan untuk mendapat bantuan zakat merupakan cabaran besar di dalam memproses agihan dana zakat. Selain daripada penilaian berdasarkan “had kifayah”<sup>15</sup>, kaedah dan mekanisma yang lain perlu diwujudkan agar agihan zakat diterima oleh golongan yang benar-benar memerlukan. Contohnya, lawatan secara rambang ke rumah penerima zakat, maklumbalas daripada rakan sebaya dan perakuan daripada pensyarah.

Cabaran-cabaran yang diutarakan di atas perlu diberi perhatian dan ditangani dengan sewajarnya. Pelaksanaan sistem zakat di UiTM pasti akan lebih mantap sekiranya cabaran

---

<sup>15</sup> Had kifayah merupakan suatu garisan kecukupan bagi seseorang individu atau bagi sesebuah keluarga, <http://www.e-zakat.com.my/had-kifayah/> diambil pada 27 September 2012

tersebut dapat dihadapi melalui perancangan yang berkesan dan mendapat kerjasama semua pihak.

## 5.0 PENUTUP

Inisiatif yang dilakukan oleh UiTM untuk melaksanakan pengurusan zakat di dalam kampus telah memberikan kesan positif di dalam aspek agama, sosial dan ekonomi kepada masyarakat. Ini bersesuaian dengan tujuan dan matlamat pensyariatatan ibadah zakat kepada umat Islam.<sup>16</sup> Kejayaan ini dapat dilihat melalui peningkatan bilangan pembayar zakat, jumlah pembayar zakat dan jumlah pengagihan dana zakat kepada asnaf. Pelaksanaan sistem zakat di UiTM juga merupakan suatu model untuk dijadikan panduan dan contoh kepada institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia. Perkongsian pengalaman dan cabaran yang telah dihadapi oleh UiTM setelah empat belas tahun melaksanakan sistem zakat boleh dilakukan untuk kebaikan semua pihak. Selain itu penubuhan pengurusan zakat di IPT diharapkan mampu menangani isu kewangan yang dihadapi oleh mahasiswa. Walaupun UiTM berjaya melaksanakan sistem pengurusan zakat dengan baik, terdapat beberapa aspek yang boleh dilakukan penambahbaikan agar pengurusan dan pentadbiran zakat lebih mantap dan berkesan. Aspek-aspek tersebut ialah mengemaskini organisasi dan pentadbiran serta meningkatkan kecekapan proses kutipan dan agihan zakat di kalangan warga UiTM. Jelasnya sistem pengurusan zakat yang diwujudkan di UiTM telah berjaya menjalankan fungsinya untuk membawa kebaikan kepada semua pihak.

### Rujukan :

Arahan Amanah Tabung Amanah Zakat UiTM (1998)

Abdul Basit Abd Rahman (Dr.) (2012), *Keindahan Islam*, Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd

Jawatankuasa Perunding Projek Q5S ITM (1996), *Kertas Konsep Projek Q5S ITM*, Shah Alam : ITM

Jawatankuasa Perunding Tabung Amanah Zakat ITM (1997), *Kertas Cadangan Pungutan dan Agihan Zakat Di Institut Teknologi MARA*

*Laporan Tahunan 2009/2010 Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam UiTM*

Musa Ahmad (Prof. Madya Haji)(2005), *Pengurusan Zakat Profesional*, Muzakarah Ulama Sempena Sambutan Keputeraan Ke 77 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, anjuran Pejabat Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan pada 10 Mei 2005 bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

---

<sup>16</sup> Yusuf Qardawi (Dr.)(2001), *Hukum Zakat*, Bogor : Pustaka Litera Antarnusa, hal. 877

Mustofa al-Khin (et.al), (1999), *al-Fiqh al-Manhaji Kitab Fikah Mazhab Syafie*, Jil. 2, Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd

Perjanjian Perlantikan Penolong Amil Antara Lembaga Zakat Selangor dan Universiti Teknologi MARA (2008)

*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (2000), Kuala Lumpur : Darulfikir

Udah Mohsin (Dr.)(1987), *Kesan Ibadah Dalam Pembentukan Akhlak Seorang Muslim*, Shah Alam : Penerbitan Hizbi

Yusuf Qardawi (Dr.)(2001), *Hukum Zakat*, Bogor : Pustaka Litera Antarnusa

<http://www.e-zakat.com.my/had-kifayah/> diambil pada 27 September 2012